

**Mangsa Ribut Terima Bantuan Kerajaan Negeri Dan Umno
Bernama
3 November , 2011**

YAN, 3 Nov (Bernama) -- Seramai 35 mangsa ribut mukim Sungai Daun dan Dulang di sini mendapat simpati kerajaan negeri dan Umno yang menyampaikan bantuan berupa wang tunai dan pembiayaan membaik pulih rumah mereka yang rosak.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak bagi pihak kerajaan negeri menyampaikan bantuan RM600 kepada setiap keluarga mangsa ribut terbabit.

Dalam kejadian empat hari lepas, 35 buah rumah di kampung-kampung Sungai Limau, Kuala Sedaka, Padang Besar, Ban 17, Ban Empat, Kuala Dulang dan beberapa rumah di pesisiran pantai Yan rosak teruk akibat ribut.

Azizan berkata bantuan RM300 adalah daripada Tabung Bencana Negeri dan RM300 lagi sumbangan Pejabat Menteri Besar.

"Kerajaan negeri berharap bantuan itu dapat mengurangkan bebanan mangsa tersebut yang kebanyakkan adalah petani dan nelayan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan itu petang semalam.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Jerai Datuk Muhammad Suhaimi Abdullah berkata pihaknya memberi bantuan segera membiayai kos membaik pulih 15 buah rumah mangsa yang tidak melebihi RM2,000.

Katanya lima buah rumah yang nilai kerosakan melebihi RM3,000 dibiayai sepenuhnya oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (ICU) dan bakinya rumah nelayan dibantu oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Seorang mangsa Bidin Man, 53, yang mendakwa kerugian kira-kira RM40,000 akibat bumbung dan dinding rumah diterbangkan ribut kencang berkata dia bersyukur dan berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan negeri dan Umno.

"Walaupun bantuan yang diterima tidak cukup untuk menampung kos membaik pulih rumah saya, bantuan ini sekurang-kurangnya meringankan beban saya," katanya.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624333>